

# THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

27 OKTOBER 2023 | BIL: 57  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

## *Industry View*

10 Langkah Untuk Mencari  
Rakan Kongsi Perniagaan.  
Serasi Ke Tidak?

# AINUL MARDHIAH

BAWA PEMBAHARUAN TERKINI  
DALAM MODEL BISNES



# TIADA PENYESALAN KORBANKAN ZAMAN REMAJA

Dunia hari ini segalanya boleh diakses di hujung jari. Kalau dulu nak beli barang basah kena pergi ke pasaraya. Sekarang, tidak lagi. Anda kini boleh saja membelinya menerusi aplikasi khas yang diperkenalkan oleh syarikat Mutiara Bersatu Wet Kitchen Sdn.Bhd. tanpa sebarang kerisauan.

Menariknya mengenai syarikat ini adalah pengasas bersamanya yang baru sahaja berusia 27 tahun iaitu Ainul Mardhiah yang bijak melakukan inovasi dalam bisnes setelah menuntut ilmu perniagaan.

“Sebenarnya, perniagaan ini dijalankan oleh abang saya secara *walk in* sahaja di Pasar Awam Taman Tun Sardon, Pulau Pinang pada awalnya. Dia menjual pelbagai jenis barang basah lagi segar seperti ikan, ketam dan sebagainya.

“Pada tahun 2014 ketika saya sedang cuti semester, kebetulan waktu itu ibu pula jatuh sakit dan saya mengambil tanggungjawab untuk menjaganya.

“Bermula dari situ, abang saya pun mula menawarkan peluang untuk bekerja dengannya. Saya buat kerja akaun, kerani dan lain-lain lagi. Saya tolong sikit-sikit sampailah sekarang kami sudah menjadi rakan kongsi,” kata anak bongsu daripada 11 beradik ini.

Berkongsi bagaimana teretusnya idea untuk membuat sistem penghantaran dalam

bisnesnya, Ainul Mardhiah berkongsi bahawa ia memang datang daripada buah fikirannya sendiri setelah menghadiri program Millionaire Marketing Mastery (MMM) anjuran RichWorks pada tahun 2017.

“Saya teringat kata-kata Datuk Wira Dr. Azizan Osman pada waktu itu supaya onlinekan bisnes anda. Bermula dari situ saya rasa *why not* kalau saya cuba?

## **KELUAR MENCARI SOLUSI PERMASALAHAN**

“Saya pun mula mempromosikannya kepada rakan-rakan terdekat. Bermula dengan kecil-kecilan, apa kata kalau kita buat platform pula? Setelah itu, kita pun sediakan akaun Facebook khas untuk servis ini supaya pelanggan boleh mula membuat pesanan melalui WhatsApp. So, jadilah *home delivery*.

“Nak dijadikan cerita, servis ini mendapat sambutan hangat pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Orang cari sampai kita tak mampu nak balas ratusan mesej yang masuk. Orang push cari, memang mereka minta untuk hantar,” jelas anak jati Pulau Pinang ini.

Disebabkan limitasi dalam operasi dan juga kekurangan bilangan staf, beliau tidak mahu usahanya terhenti setakat itu saja kerana percaya perniagaannya itu boleh maju dan pergi lebih jauh lagi dalam pasaran.



Tidak mahu terus diulit masalah yang sama, beliau pun mengambil keputusan untuk menyertai program Nak Ubah Hidup pada tahun 2020.

“Selepas itu, saya memilih untuk menyertai program pementoran SPIRE pada bulan April kemudian.

“Tidak lama selepas itu, Puan Safarah Salman mengatakan bahawa tahap bisnes saya ini sudah tidak sesuai untuk terus di SPIRE dan mengesyorkan saya untuk sertai program pementoran Titanium pula. Walaupun takut, tapi saya *push* juga diri untuk sertainya pada bulan Oktober 2020.

“Waktu sesi *one-one-one* pertama bersama Dr. Azizan, beliau menyarankan saya untuk mempunyai platform sendiri kerana PKP sudah bermula.

“Jadi, dari waktu itulah terhasilnya aplikasi Mutiara Bersatu yang memudahkan proses pesanan daripada pelanggan berbanding sebelumnya,” tuturnya yang mula mengikuti program anjuran RichWorks pada tahun 2015 menerusi program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK).

Banyak perubahan yang telah beliau dan syarikat lalui setelah bergelar ahli Titanium. Kalau dulu segalanya dilakukan sendirian, tapi kini tidak lagi. Setelah dibimbing, urusan syarikatnya menjadi lebih teratur dan mula mempunyai pelbagai jabatan seperti sumber manusia, kewangan dan sebagainya.









"Dulu saya yang buat semua benda sampai jadi 'Rashid Rashidah'. Sebab itulah waktu itu saya tidak sertai kelas sebab kebiasaannya perlu hadir secara fizikal.

"Tapi bila kelasnya sudah bertukar *online*, saya fikir tak salah untuk sertai. Saya boleh masuk kelas sambil menjual.

"Selepas dah belajar, barulah saya tahu bahawa kita perlu ada pasukan kalau nak berkembang. Suatu ketika dahulu saya ingatkan boleh buat semua benda seorang diri. Rupa-rupanya tidak. Saya perlu pasukan untuk membantu.

"Alhamdulillah, saya ikut saja apa yang Dr. Azizan dan RichWorks telah ajarkan dah hasilnya kini kami ada sistem yang betul dan syarikat juga makin berkembang" luahnya.

### **PENGORBANAN YANG TIDAK SIA-SIA**

Ternyata segala kesusahan dan cabaran yang dilaluinya berbaloi apabila ia membawanya ke destinasi hari ini. Banyak pengorbanan yang telah dilakukan olehnya termasuklah mengorbankan waktu remaja dan masa depannya demi menjaga ibu tercinta.



"Saya juga melakukan tindakan yang berisiko apabila sertai bisnis ini dalam keadaannya sedang berhutang sebanyak RM300 ribu pada waktu itu.

"Di samping itu, suatu masa dulu ada kalanya saya pernah dapat dua pelanggan saja sehari. Memang saya rasa sangat *down*. Aku ni memang kena jual dekat pasar je ke? Tak boleh pergi mana-mana?

"Saya rasa semua benda saya buat tidak menjadi. Rupa-rupanya, cara yang saya lakukan pada waktu itu salah. Bila dah menimba ilmu barulah kita tahu di mana silap dan betulnya segala tindakan yang dilakukan," ujarnya mengimbas kembali momen dalam hidupnya.

Melalui pelbagai transformasi yang ketara setelah mempunyai aplikasi sendiri, Ainul Mardhiah berasa seronok apabila pelanggan memberikan maklum balas yang positif buat usahanya itu.

Kebanyakan daripada pelanggannya merasakan kelainan yang dibawa oleh Mutiara Bersatu memudahkan urusan seharian mereka apabila boleh memasak dengan bahan yang segar tanpa perlu ke pasar setiap hari.

"Ada juga pelanggan kita yang berterima kasih kerana banyak membantunya sewaktu musim PKP dahulu. Selain itu, ada juga di antara mereka yang dapat membantu ibu masing-masing yang tinggal bersendirian di rumah.

"Selain memudahkan pelanggan, sistem pesanan ini juga dapat membantu *runner* dan staf menjana pendapatan lebih. Secara tidak langsung, mereka turut dapat membahagiakan insan tersayang.

"Ada juga di kalangan mereka yang sudah dapat membeli rumah dan kereta sendiri. Saya rasa sangat seronok bila dapat membantu staf dan memudahkan urusan orang di luar sana. Memang rasa satu *win* yang besarlah buat saya," jelasnya lagi.







menjadi semakin ramai dan mereka juga sudah mampu memiliki apa yang diidamkan selama ini.

"Itu memang suatu pencapaian yang besar kerana kebanyakan daripada mereka hanya mempunyai latar pendidikan sehingga sekolah menengah sahaja. Jadi, saya benar-benar berbangga dengan segala usaha yang telah mereka tonjolkan," tambahnya.

Kini berjaya menguasai pasaran di negeri Pulau Pinang, pengasas bersama Mutiara Bersatu ini berharap suatu hari nanti mereka dapat menawan pasaran di seluruh Malaysia pula di masa hadapan.

## PERANCANGAN MENAWA SELURUH NEGARA

Berkongsi mengenai pencapaian syarikat, beliau turut rasa berbangga apabila kini Mutiara Bersatu sudah mempunyai 17 staf berbanding hanya dua sahaja pada awalnya.

"Selain platform di atas talian, kami juga sudah ada motor, van dan lori sendiri. Pasukan sudah

"Insya-Allah, kita nak go satu Malaysia. Dr. Azizan kata kalau boleh kita contohi syarikat Grab yang ada di mana-mana sahaja di seluruh negara," kongsi Ainul Mardhiah.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai servis perkhidmatan Mutiara Bersatu, anda boleh layari akaun Mutiara Bersatu Barang Dapur Basah Delivery di laman Facebook untuk mendapatkan info tentangnya.





# 3

## NASIHAT

### PERTAMA, FIGHT FOR A BETTER LIFE

"Anda perlu fight untuk bekerja, untuk *better income*. Oleh itu, anda perlulah merancang kewangan anda dengan sebaiknya. Anda nak atau tidak itu semuanya bergantung pada diri sendiri.

"Tiada orang yang akan ubah nasib kita. Daripada salahkan orang lain ataupun kerajaan, lebih baik kita usahakan untuk *better life* di masa hadapan," nasihatnya.

### KEDUA, HIDUP TIDAK AKAN LENGKAP TANPA TEKANAN

"Bila wujudnya tekanan, kita akan cari jalan bagi mengatasinya. Bila tiada tekanan, kita tidak akan mahu berubah.

"Kalau saya terus harapkan orang *walk-in* saja ke pasar untuk membeli, mungkin perniagaan saya ini akan mati kerana budaya membeli sudah tidak seperti dahulu.

"Jadi, kita kena melakukan perubahan untuk terus kekalkan bisnes. Kalau tidak, situasinya akan menjadi sukar buat kita dan syarikat," kongsinya.

### KETIGA, USAHAWAN PERLU BERANI

"Usahawan tidak kira tua atau muda perlu berani jika tak mahu berada di fasa yang sama sampai bila-bila. Takut itu, takut ini. Akhirnya, hasilnya tetap sama sahaja.

"Ketahui *big why* anda dalam bisnes agar anda dapat teruskan hingga ke garisan penamat," katanya menutup bicara.



# 10 LANGKAH UNTUK MENCARI RAKAN KONGSI PERNIAGAAN. SERASI KE TIDAK?

Mencari rakan kongsi yang serasi adalah langkah penting dalam perniagaan dan projek-projek berkumpulan. Rakan kongsi yang berkualiti boleh memberi sumbangan besar kepada kejayaan projek atau perniagaan.

Namun begitu, proses mencari dan memilih mereka dengan bijak mempunyai cabarannya yang tersendiri. Bagi mencapai matlamat dan cita-cita perniagaan, pencarian rakan kongsi yang serasi perlu dijalankan dengan baik dan teliti.

Oleh itu, di sini kami kongsi beberapa cara yang boleh anda aplikasikan bagi mencari rakan kongsi yang dapat bersama-sama anda bagi mencapai kejayaan yang diimpikan.

## 1 Tentukan Matlamat Anda:

Fikirkan matlamat perniagaan atau projek yang anda ingin berkongsi dengan seseorang. Apakah anda mencari rakan kongsi untuk projek tertentu, perniagaan atau pelaburan? Pastikan anda memahami matlamat anda sebelum mencari rakan kongsi.

## 2 Identifikasi Keperluan dan Kebolehan:

Fikirkan tentang kemahiran, pengetahuan dan tenaga kerja yang anda perlukan daripada seorang rakan kongsi. Apakah anda memerlukan seseorang dengan pengalaman dalam industri tertentu, modal kewangan atau kemahiran teknikal?

## 3

### Rangka Profil Rakan Kongsi Ideal:

Buat senarai ciri-ciri yang anda cari dalam seorang rakan kongsi. Ini mungkin termasuk latar belakang pendidikan, pengalaman kerja, kepakaran dan nilai peribadi.

## 4

### Gunakan Rangkaian Sosial:

Hubungi kenalan dalam rangkaian sosial anda seperti rakan-rakan, keluarga atau rakan sekerja. Mereka mungkin mempunyai cadangan atau kenalan yang sesuai.

## 5

### Sertai Kelab atau Persatuan Perniagaan:

Sertai kelab atau persatuan perniagaan yang berkaitan dengan industri atau bidang perniagaan anda. Ini adalah tempat yang baik untuk bertemu dengan individu yang berkongsi minat dalam bidang yang sama. Cari circle yang betul!

## 6

### Gunakan Platform Dalam Talian:

Gunakan platform dalam talian seperti LinkedIn, AngelList (untuk perniagaan teknologi), atau platform carian rakan kongsi lain yang sesuai dengan matlamat anda. Anda boleh mencari calon rakan kongsi berdasarkan kriteria yang anda tetapkan.



**7****Pertimbangkan Kriteria Keserasian:**

Pastikan anda dan bakal rakan kongsi mempunyai visi dan nilai yang serupa. Ini adalah penting untuk memastikan kejayaan kerjasama jangka panjang. Kita nak bina perniagaan yang bertahan lama, bukan untuk sehari dua sahaja.

**8****Temu Bual dan Wawancara:**

Selepas mengenal pasti calon rakan kongsi yang berpotensi, atur temu bual atau wawancara untuk mendalami pemahaman anda tentang individu tersebut. Tanyakan soalan yang relevan dan terangkan dengan jelas matlamat dan harapan anda.

**9****Semak Referensi:**

Semak rujukan calon rakan kongsi anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang latar belakang dan rekod mereka.

**10****Buat Perjanjian Bertulis**

Setelah memilih rakan kongsi yang sesuai, pastikan anda membuat perjanjian bertulis yang merangkumi peranan, tanggungjawab, bahagian keuntungan dan sebarang syarat yang relevan. Biar semuanya berlaku dengan jelas.

**INGAT, Mencari rakan kongsi adalah proses yang memerlukan masa dan penelitian. Pastikan anda membuat keputusan yang bijak dan berdasarkan pertimbangan yang teliti sebelum memulakan kerjasama perniagaan.**

Anjuran Bersama

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**media prima**

**Ayuh Usahawan JOHOR,  
KUASAI Pemasaran,  
Luaskan Perniagaanmu!**



*Bersama*  
D A T U K W I R A  
**DR. AZIZAN  
OSMAN**

**10X** **SME  
BINA  
BISNES 2023  
BERJAYA**



**25-26 NOVEMBER 2023 | KSL RESORT  
JOHOR BAHRU CITY CENTRE**

*Daftar Sekarang. Seat Terhad!*

**#RoadTo1stMillion**

**binabusinessberjaya.com**



# EKSKLUSIF!

## GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

### **Klinik Usahawan** **SIRI BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan  
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA  
DR AZIZANOSMAN  
*MenThor Usahawan Jutawan*



### Buku Untuk Usahawan Bakal Jutawan!


+

### Sesi Penilaian Perniagaan Anda berharga **RM497**

### 100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: [richworks.com/satujutapertama](http://richworks.com/satujutapertama)



# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.